



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

**LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA**

**24 MAC 2025 (ISNIN)**

## 'Tambat dan Kurung Lembu Anda'

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	Negara	14	24 Mac

# 'Tambat dan kurung lembu anda'

- Perniagaan perlu pastikan binatang ternakan tidak berkeliaran
- Pengguna tanggung rugi RM150,000, 25 kes kemalangan


Oleh AIMUNI TUAN LAH

**GUA MUSANG** — Pengguna jalan raya terpaksa menanggung kerugian sebanyak RM150,000 membabitkan 25 kes kemalangan kenderaan melibatkan lembu berkeliaran direkodkan berlaku di daerah ini dalam tempoh dua bulan.

Ketua Polis Daerah Gua Musang, Superintendan Sik Choon Poo berkata, anggaran jumlah kerugian itu dicatarkan pada Januari dan Februari lalu.

Katanya, sehubungan itu, penternak perlu lebih bertanggungjawab untuk memastikan binatang ternakan mereka tidak berkeliaran di atas jalan raya terutamanya pada waktu malam sehingga mengakibatkan kemalangan.

"Semua penternak terutama-



SEBAHAGIAN lembu ternakan yang berkeliaran ditangkap kuasa di kawasan jalan raya di Gua Musang baru-baru ini. — IHSAN MDGM

nya individu yang menternak lembu perlu menambat atau mengurung ternakan masing-masing menjelang Hari Raya Aidilfitri ini.

"Dalam tempoh Januari sehingga Februari lalu, sebanyak 25 kes kemalangan haiwan ternakan dilaporkan dengan jumlah kerugian RM150,000," katanya.

Choon Foo memberitahu, kawasan Rancangan Kemaluan Tanah (RKT) Kesedaran Paloh dan Felda Chikku di sini, dilaporkan kerap berlaku kemalangan melibatkan haiwan ternakan.

Setiausaha Majlis Daerah Gua Musang (MDGM) Ahmad Hamdan Ubaidah berkata, sebanyak 20 tangkapan haiwan raya membabitkan empat ekor kambing dan 16 lembu ditangkap sepanjang tahun lalu.

Katanya, operasi yang dilakukan secara bersepadu itu turut melibatkan anggota polis dan Jabatan Veterinar.

"MDGM memandang serius kejadian kemalangan yang membabitkan haiwan ternakan. Operasi bersepadu terhadap haiwan ternakan yang meraya di sekitar jalan terutamanya jalur utama di daerah ini dilakukan setiap bulan pada tahun ini," katanya.

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR